

INGATAN KOSA KATA BAHASA MELAYU MELALUI UJIAN KOSA KATA PANTAS: PERBANDINGAN ANTARA PELAJAR PRASISWAZAH DAN PELAJAR PASCASISWAZAH ASING UKM

(Malay Vocabulary Retention Through Fast Vocabulary Tests: A Comparison Between UKM Undergraduate and Postgraduate Foreign Students)

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD*

ABSTRAK

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing, penguasaan kosa kata adalah antara perkara penting yang perlu diberi perhatian. Penguasaan kosa kata yang baik dalam kalangan pelajar asing akan menyumbang kepada penguasaan bahasa dan komunikasi. Namun, situasi pembelajaran Bahasa Melayu pada masa kini menyaksikan kelemahan pelajar dalam mengingat kosa kata penting yang telah dipelajari. Hal ini seterusnya memberi impak kepada prestasi mereka dalam penguasaan bahasa Melayu. Umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar, melalui perbandingan min antara pelajar prasiswazah dan pascasiswazah. Dalam konteks ini, pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang berbeza tahap umur dan pengajian didedahkan kepada kursus bahasa Melayu tahap asas yang sama. Untuk tujuan kajian ini, instrumen ujian yang dinamakan Ujian Kosa Kata Pantas dijalankan kepada setiap kumpulan pelajar untuk melihat jumlah kosa kata yang mampu diingati oleh pelajar kedua-dua kumpulan dalam jumlah masa yang ditetapkan. Data kajian seterusnya dianalisis menggunakan Ujian T Bebas melalui kaedah perbandingan, dengan hasil ujian normaliti ($p=0.525$). Data kajian digolongkan kepada empat golongan kata iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas untuk melihat prestasi ingatan pelajar terhadap kosa kata daripada empat golongan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min kosa kata oleh pelajar prasiswazah melebihi pelajar pascasiswazah. Golongan kata nama ialah golongan kata yang mencatatkan nilai tertinggi dalam ingatan kosa kata untuk kedua-dua kumpulan, manakala golongan kata tugas adalah yang terendah. Dapatan ini sekaligus menunjukkan tahap ingatan serta penguasaan kosa kata oleh pelajar pascasiswazah dalam konteks kajian ini adalah melebihi pelajar prasiswazah.

Kata kunci: Pendidikan bahasa; kognitif; penguasaan kosa kata; bahasa melayu untuk pelajar asing

ABSTRACT

In learning Malay for foreign students, vocabulary mastery is one of the important things that need to be paid attention to. However, the current situation of learning Bahasa Melayu witnesses the weakness of students in remembering the important vocabulary that has been learned. Generally, this study aims at the level of vocabulary mastery among students, through a mean comparison between undergraduate and postgraduate students. For this purpose, the '5 minute' vocabulary test instrument was conducted to see the amount of

vocabulary that the students of both groups remembered in 5 minutes. The data of the next study was analyzed using the Independent T Test through the comparison method, with the results of the normality test ($p=0.525$). The findings of the study show that the mean of undergraduate students (mean=49.44) exceeds that of postgraduate students (mean=33.63), at the same time showing that the performance of undergraduate students is better in the mastery of Malay vocabulary.

Keywords: Language Education; Cognitive, Vocabulary Mastery, Malay Language for Foreign Students

PENGENALAN

Dalam proses penguasaan bahasa dan kemahiran komunikasi yang baik, penguasaan kosa kata merupakan antara aspek yang penting dan perlu dititikberatkan. Secara asasnya, kosa kata ialah perkataan yang mengandungi maksud dan difahami oleh penutur bahasa tersebut (Basal et. al., 2016). Pengetahuan kosa kata yang luas membolehkan seseorang itu untuk memiliki kemahiran dan penguasaan bahasa yang dipelajari dalam banyak peringkat, cabang dan aspek, sementara pengetahuan kosa kata yang sempit menyebabkan seseorang itu gagal memperoleh banyak input dan manfaat daripada bahasa yang dipelajari (Susanto & Suhardianto 2018). Dalam aspek pembelajaran bahasa, pembelajaran kosa kata merupakan antara ciri primer yang perlu diberi perhatian. Dalam hal ini, pembelajaran kosa kata merupakan satu proses pembelajaran berterusan untuk mengenal dan menguasai perkataan baharu serta memahami penggunaannya (Memis 2018) manakala teknik pembelajaran bahasa pula merupakan satu wasilah untuk pelajar menguasai kosa kata. Dalam hal ini, banyak kajian yang telah membuktikan akan wujudnya hubungan yang signifikan antara penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa (Susanto & Suhardianto 2018).

Situasi pembelajaran bahasa asing kini menyaksikan cara pembelajaran kosa kata oleh pelajar yang terlalu difokuskan kepada kaedah tertentu sahaja, sedangkan pemerolehan melalui pendedahan dan pengalaman sekeliling secara semula jadi merupakan pendekatan yang baik untuk digembleng bersama (Rousoulioti & Melissaropoulou 2021). Pendedahan kepada bahasa yang ingin dikuasai secara tidak formal dan berterusan merupakan aspek yang acapkali diabaikan oleh pelajar yang mempelajari bahasa ketiga atau bahasa asing (Aksoy 2024). Mereka gemar memberi fokus hanya kepada bentuk pembelajaran yang diterima dalam kelas atau beranggapan bahawa bentuk pembelajaran di kelas mencukupi untuk pembinaan bahasa. Hal ini adalah sebaliknya, disebabkan oleh pendedahan yang berterusan kepada bahasa yang dipelajari sama ada melalui pendengaran kepada perbualan masyarakat setempat, penggunaan bahasa yang mudah untuk urusan harian serta inisiatif sendiri untuk mengemas kini maklumat kosa kata akan memberi impak yang lebih besar (Hajrullai 2019). Dalam hal ini, pembelajaran bahasa dan kosa kata yang digabungkan dengan pendedahan dan pengamalan akan membantu pelajar untuk lebih mengingati kosa kata yang dipelajari, daripada aspek maknanya, konteks penggunaan dan variasi penggunaan (jika wujud lebih satu konsep dalam perkataan tersebut). Lebih banyak penggunaan perkataan tersebut dalam konteks alami, penguasaan pelajar terhadap konsep keseluruhan kosa kata tersebut akan menjadi lebih mantap (Ahmad & Rina 2023).

Aspek pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia menerapkan pendekatan yang sama; pembelajaran secara rasmi di kelas serta tugas pelajar yang memerlukan mereka mengamalkannya dalam konteks sebenar. Kursus Bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa di UKM ditawarkan kepada dua tahap pelajar, iaitu pelajar prasiswazah dan pascasiswazah antarabangsa melalui kod kursus yang

berbeza. Walaupun berbeza tahap pengajian dan kod, namun kedua-duanya memiliki silibus, isi kandungan kursus, kaedah serta pendekatan pengajaran untuk penguasaan kosa kata dan bahasa yang sama. Pemerhatian yang dilakukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di kelas mendapati bahawa para pelajar pada kedua-dua tahap memperlihatkan prestasi yang lemah dalam penulisan serta lisan, khususnya dalam aspek pengkayaan kosa kata. Kelemahan ini menyebabkan pelajar berhadapan dengan masalah penguasaan bahasa Melayu yang dipelajari. Situasi ini menyebabkan pelajar berhadapan dengan masalah untuk menggunakan ilmu bahasa yang dipelajari itu di luar kelas serta mengamalkan bahasa Melayu di dunia yang sebenar. Selain itu, sifat dua kelompok pelajar yang berbeza tahap pengajian merupakan suatu perspektif yang menarik untuk dikaji, memandangkan mereka memiliki tahap umur serta pengalaman pembelajaran yang berbeza. Dalam hal ini, persoalan tentang persamaan atau perbezaan yang berpotensi untuk wujud dalam konteks hubungan antara tahap penguasaan ilmu bahasa dan tahap pengajian merupakan satu lagi perspektif yang menarik untuk dikaji.

METODOLOGI

Bahagian ini menghuraikan dan membincangkan pelaksanaan dan prosedur yang telah diikuti dalam menjalankan kajian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimen. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perbandingan bilangan perkataan bahasa Melayu yang mampu diingati antara kumpulan pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah antarabangsa. Selain melihat perbandingan secara umum, kajian ini juga melihat perbandingan antara dua kumpulan pelajar antarabangsa tersebut daripada aspek empat penggolongan kata iaitu kata nama (KN), kata kerja (KK), kata adjektif (KA) dan kata tugas (KT).

Populasi dan Sampel

Pemilihan subjek kajian ini dibuat secara pensampelan bertujuan, iaitu persampelan yang dibuat untuk memenuhi tujuan khusus pengkaji. Kaedah pemilihan responden ini juga melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus pengkaji, di samping responden hendaklah berada dalam keadaan yang bersedia. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus pembelajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing di UKM. Rasional pemilihan responden dalam kajian ini adalah berdasarkan:

- a) Kajian ini merupakan kajian di bawah bidang pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing di UKM. Jadi, hanya pelajar asing yang mengikuti kursus bahasa Melayu di UKM sahaja yang sesuai untuk terlibat dalam kajian.
- b) Kajian ini menekankan kepada pengetahuan daripada aspek kosa kata. Dalam hal ini, hanya responden yang telah memiliki pengetahuan bahasa Melayu asas dan penguasaan kosa kata asas sahaja yang akan terlibat dalam kajian.

Untuk tujuan kajian ini, sebanyak 64 (32+32) orang peserta kajian daripada sejumlah 245 orang pelajar prasiswazah dan pascasiswazah (103 pelajar prasiswazah dan 142 pelajar pascasiswazah) berdaftar pada semester pengajian semasa telah dipilih. 64 pelajar ini datang dari dua kumpulan intact kelas pengajaran kursus Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa di bawah kendalian pengkaji, dengan 32 pelajar bagi setiap kelas. Kelas pertama ialah kelas yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah sepenuhnya yang semuanya sedang menuntut di UKM pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Kelas kedua pula ialah kelas pelajar

prasiswazah. Kedua-dua kumpulan berbeza peringkat pengajian ini mengikuti kursus Bahasa Melayu untuk pelajar asing di UKM yang memuatkan silibus, aktiviti pengajaran, kaedah pengajaran serta penilaian yang sama.

Instrumen Kajian

Instrumen pengujian di kelas yang dinamakan ‘Ujian Kosa Kata Pantas’ digunakan dalam kajian ini. Dalam prosedur ujian ini, pelajar perlu menulis semua kosa kata bahasa Melayu yang mereka ketahui dan ingat dalam tempoh masa yang diberikan. Bahan ujian yang disediakan ialah sehelai kertas ujian yang berisi maklumat iaitu nama ujian, nama pelajar/responden, nombor pendaftaran pelajar serta ruang untuk menulis perkataan.

Oleh itu, demi mencapai hasrat tersebut selain terus cakna akan hal ehwal pelajar antarabangsa UKM dalam situasi pascapandemik, perspektif sendiri daripada pelajar amat diperlukan demi mendapatkan gambaran sebenar tentang keadaan mereka ketika di lokaliti masing-masing, terutamanya ketika mengikuti sesi pembelajaran sebagai pelajar UKM.

Objektif dan Persoalan Kajian

Satu kajian yang berfokus kepada kesejahteraan pelajar antarabangsa UKM di luar negara semasa sesi pembelajaran pascapandemik telah dijalankan. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan persepsi sendiri, di mana pelajar melakukan penilaian sendiri terhadap tiga aspek kajian seperti yang terkandung dalam tiga objektif kajian berikut:

- i. Meninjau tahap kestabilan internet di lokasi pelajar antarabangsa UKM untuk sesi pembelajaran dalam talian
- ii. Menilai tahap keselesaan pelajar antarabangsa UKM ketika mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi masing-masing
- iii. Melihat kecenderungan pelajar antarabangsa UKM terhadap lokasi pilihan untuk meneruskan pengajian

Berikut pula merupakan persoalan kajian bagi kajian ini:

PK1 : Bagaimanakah tahap kestabilan internet di lokasi pelajar antarabangsa UKM untuk sesi pembelajaran dalam talian?

PK2 : Sejauh manakah tahap keselesaan pelajar antarabangsa UKM dalam mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi masing-masing?

PK3 : Apakah kecenderungan pelajar antarabangsa UKM terhadap lokasi pilihan untuk meneruskan pengajian?

DAPATAN & PERBINCANGAN

Dapatan kajian adalah berkaitan dengan keputusan bagi sesuatu kajian. Di dalam bab ini, beberapa perkara seperti perbandingan antara min kumpulan prasiswazah serta kumpulan pascasiswazah akan dianalisis, selain perbandingan min untuk setiap kategori penggolongan kata dalam bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji akan turut menganalisis demografi peserta seperti umur, negara asal serta tempoh tinggal di Malaysia. Dalam pemerolehan keputusan kajian, hipotesis-hipotesis berikut dijadikan panduan iaitu:-

- Ho1 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah
- Ha1 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah
- Ho2 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca
- Ha2 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca
- Ho3 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca
- Ha3 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca
- Ho4 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Adjektif antara pelajar pra dan pasca
- Ha4 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Adjektif antara pelajar pra dan pasca
- Ho5 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Tugas antara pelajar pra dan pasca
- Ha5 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Tugas antara pelajar pra dan pasca

Demografi Peserta Kajian

Analisis latar belakang telah dilakukan ke atas 32 peserta kajian yang telah dipilih iaitu melibatkan pelajar Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing tahap 1 di UKM. Analisis ini dibahagikan mengikut ciri-ciri latar belakang seperti umur peserta, kawasan negara asal serta tempoh tinggal di Malaysia. Penyelidikan ini akan menerangkan hasil kajian berdasarkan objektif kajian dan analisis data yang diperolehi daripada 32 orang peserta kajian ini.

Umur Peserta Kajian

Kebanyakan daripada peserta kajian berada pada paras 19-29 tahun dengan jumlah 48 orang. Hal ini disebabkan oleh semua pelajar prasiswazah berada pada kumpulan umur antara 19 tahun hingga 23 tahun. Dalam pada itu, terdapat juga pelajar pascasiswazah iaitu pelajar sarjana yang berada pada kumpulan umur 19-29 tahun iaitu sebanyak 16 orang. Nilai paling rendah ialah kumpulan umur 50-59 tahun dengan tiga orang pelajar sahaja.

Jadual 1. Bilangan dan peratus peserta mengikut kumpulan umur

Skala Umur	Kekerapan		Peratus (%)
	Pra	Pasca	
19-29 tahun	32	27	92.2
30-39 tahun	0	4	6.3
40-49 tahun	0	1	1.6
JUMLAH	32	32	100

Asal Peserta Kajian

Berdasarkan jadual 2, nilai yang tertinggi dicatatkan oleh pelajar daripada Asia Barat iaitu sebanyak 37.5%, atau 24 orang, iaitu 20 orang daripada kumpulan pascasiswazah dan 4 orang

daripada kumpulan prasiswazah. Nilai yang terendah dicatatkan oleh Eropah dengan 7.8% sahaja, iaitu pelajar prasiswazah. Bahagian Asia Tenggara turut mencatatkan nilai rendah iaitu 9.4% atau 6 orang sahaja.

Jadual 2. Bilangan dan peratus peserta berdasarkan kawasan

Kawasan	Kekerapan		Peratus (%)
	Pra	Pasca	
Asia Barat	0	4	6.3
Afrika	0	1	1.6
Asia Timur	32	25	89
Asia Selatan	0	2	3.1
JUMLAH	32	32	100

Tempoh Tinggal di Malaysia

Untuk kategori ini pula, nilai yang tertinggi dicatatkan oleh kumpulan tempoh 1-3 tahun dengan 35 orang, atau 54.7%. Nilai terendah pula dicatatkan oleh kumpulan tempoh 6 tahun dan ke atas dengan dua orang pelajar sahaja atau 3.1%. Pelajar prasiswazah mencatatkan nilai yang hampir sama bagi tempoh kurang dari 1 tahun dan tempoh 1-3 tahun. Hal ini disebabkan, terdapat pelajar pertukaran, pelajar mobiliti dan program khas yang hanya berada di UKM untuk tempoh satu hingga dua semester sahaja ketika kajian dijalankan.

Jadual 3. Bilangan dan peratus peserta mengikut tempoh tinggal

Tempoh	Kekerapan		Peratus (%)
	Pra	Pasca	
Kurang dari 1 tahun	15	4	29.7
1-3 tahun	17	18	54.7
4-6 tahun	0	8	12.5
Lebih 6 tahun	0	2	3.1
JUMLAH	32	32	100

Perbandingan Jumlah Kata secara Keseluruhan antara Kumpulan

H₀₁ – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

H_{a1} – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

Jadual 4. Analisis statistik kumpulan

Jumlah Kata antara Kumpulan		
Peringkat Pengajian	Prasiswazah	Pascasiswazah
N	32	32
Mean	32.461	49.728
Std. Deviation	8.326	14.450
Std. Error Mean	2.081	3.612

Bagi dapatan jumlah kosa kata secara keseluruhan, pelajar prasiswazah memperoleh nilai min yang lebih rendah dengan 33.461 (Sisihan Piawai = 8.362) sementara pelajar pascasiswazah memperoleh nilai min lebih tinggi iaitu 49.728 (Sisihan Piawai = 14.450). Perbezaan nilai min sebanyak 17.27 melalui dua data yang telah dinyatakan membuktikan bahawa pelajar pascasiswazah mencatatkan jumlah kosa kata yang lebih banyak berbanding pelajar prasiswazah.

Jadual 5. Analisis Ujian Sampel Bebas

		Jumlah Kata antara Kumpulan	
		Equal Variance Assumed	Equal Variances not Assumed
Levene's Test	F	2.851	
	Sig	.102	
	T	3.793	3.793
	Df	62	53.971
	Sig(2 tailed)	.001	.001
T-Test for equality of means	Mean Difference	15.813	15.813
	Std Error	4.169	4.169
	Difference		

Analisis perbandingan jumlah kosa kata dua kumpulan kajian melalui Ujian T-Dua Sampel Bebas memperoleh nilai signifikan iaitu $p = 0.001$ dengan nilai $t = 3.793$. Memandangkan nilai yang dicatatkan adalah kurang daripada 0.05, kesimpulan yang boleh dilakukan daripada hasil Ujian T ini ialah adanya perbezaan yang signifikan antara nilai min jumlah kosa kata antara kelompok pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah, dengan $t(30)=3.793$, $p = 0.001$. Dapatan ini menolak H_0 untuk menyatakan bahawa jumlah kosa kata pelajar pascasiswazah melebihi pelajar prasiswazah.

Perbandingan Jumlah Kata Nama antara Kumpulan

H_{02} – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca

H_{a2} – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca

Jadual 6. Analisis statistik kumpulan

Peringkat Pengajian	Jumlah Kata Nama	
	Prasiswazah	Pascasiswazah
N	32	32
Mean	19.375	30.000
Std. Deviation	8.016	10.263
Std. Error Mean	2.004	2.566

Bagi dapatan jumlah kata nama, pelajar pascasiswazah memperoleh nilai min yang lebih besar dengan 30.000 (Sisihan Piawai = 10.263) sementara pelajar prasiswazah memperoleh nilai min lebih kecil iaitu 19.38 (Sisihan Piawai = 8.016). Perbezaan nilai min sebanyak 10.63 melalui dua data yang telah dinyatakan membuktikan bahawa pelajar pascasiswazah mencatatkan jumlah kata nama yang lebih banyak berbanding pelajar prasiswazah.

Jadual 7. Analisis Ujian Sampel Bebas

		Jumlah Kata Nama	
		Equal Variance Assumed	Equal Variances not Assumed
Levene's Test	F	1.341	
	Sig	.256	
	T	3.264	3.264
	Df	62	58.377
	Sig(2 tailed)	.003	.003
T-Test for equality of means	Mean Difference	10.625	10.625
	Std Error Difference	3.256	3.256

Analisis perbandingan jumlah kosa kata dua kumpulan kajian melalui Ujian T-Dua Sampel Bebas memperoleh nilai signifikan iaitu $p = 0.003$ dengan nilai $t = 3.264$. Memandangkan nilai yang dicatatkan adalah kurang daripada 0.05, kesimpulan yang boleh dilakukan daripada hasil Ujian T ini ialah adanya perbezaan yang signifikan antara nilai min jumlah kosa kata antara kelompok pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah, dengan $t(30)=3.264$, $p = 0.003$. Dapatan ini menolak H_0 untuk menyatakan bahawa jumlah kata nama pelajar pascasiswazah melebihi pelajar prasiswazah.

Perbandingan Jumlah Kata Kerja antara Kumpulan

H_03 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca

H_a3 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca

Jadual 8. Analisis Statistik Kumpulan

Peringkat Pengajian	Jumlah Kata Kerja	
	Prasiswazah	Pascasiswazah
N	32	32
Mean	6.250	8.000
Std. Deviation	2.380	4.382
Std. Error Mean	.595	1.095

Bagi dapatan jumlah kata kerja secara keseluruhan, pelajar prasiswazah memperoleh nilai min yang lebih rendah dengan 6.250 (Sisihan Piawai = 2.38) sementara pelajar pascasiswazah memperoleh nilai min lebih tinggi iaitu 8.000 (Sisihan Piawai = 4.382). Perbezaan nilai min sebanyak 1.75 melalui dua data yang telah dinyatakan membuktikan bahawa pelajar pascasiswazah mencatatkan jumlah kosa kata yang lebih banyak berbanding pelajar prasiswazah.

Jadual 9. Analisis Ujian Sampel Bebas

		Jumlah Kata Kerja	
		Equal Variance Assumed	Equal Variances not Assumed
Levene's Test	F	7.027	
	Sig	.013	
	T	1.404	1.404
	Df	62	53.145
	Sig(2 tailed)	.171	.174
T-Test for equality of means	Mean Difference	1.750	1.750
	Std Error Difference	1.247	1.247

Analisis perbandingan jumlah kata kerja kumpulan kajian melalui Ujian T-Dua Sampel Bebas memperoleh nilai signifikan iaitu $p = 1.71$ dengan nilai $t = 1.404$. Memandangkan nilai yang dicatatkan adalah lebih daripada 0.05, kesimpulan yang boleh dilakukan daripada hasil Ujian T ini ialah tiada perbezaan yang signifikan antara nilai min jumlah kata kerja antara kelompok pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah, dengan $t(30)=1.404$, $p = 1.71$. Dapatan ini menerima H_0 untuk menyatakan bahawa jumlah kata kerja pelajar pascasiswazah dan pelajar prasiswazah adalah sama.

PERBINCANGAN

Daripada dapatan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa kumpulan pelajar pascasiswazah antarabangsa menunjukkan jumlah ingatan kosa kata yang lebih tinggi berbanding pelajar prasiswazah antarabangsa. Dapatan ini juga selari dengan keputusan penilaian perbuatan kursus Bahasa Melayu untuk pelajar asing yang mendapati bahawa, pelajar pascasiswazah menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam kedua-dua ujian tersebut berbanding pelajar prasiswazah. Hal ini sekaligus menyokong dapatan sarjana yang menegaskan bahawa wujudnya hubungan signifikan yang kuat antara pembelajaran bahasa asing dengan pengetahuan kosa kata (Susanto & Suhardianto 2018). Tambahan pula, penilaian perbuatan kursus Bahasa Melayu kepada pelajar asing lebih banyak berfokuskan kepada penggunaan kosa kata serta binaan ayat yang betul dan gramatis.

Dapatan kajian ini menyokong pendapat bahawa kosa kata ialah elemen yang kritikal dan utama untuk pembelajaran bahasa asing dan motivasi membaca, dalam pembelajaran bahasa kedua dan ketiga (Milton & Alexiou 2012). Pemerhatian yang dilakukan terhadap kedua-dua kelompok pelajar mendapati bahawa pelajar pascasiswazah merupakan kelompok pelajar yang lebih aktif semasa kelas dan menunjukkan minat melalui pertanyaan tentang perkataan baharu yang ditemui atau membetulkan sebutan perkataan atau yang dilakukan. Mereka juga sering memberi maklum balas untuk pertanyaan-pertanyaan semasa sesi kelas, di samping berkongsi pengalaman mereka tentang Bahasa Melayu dari pemerhatian sekeliling yang dirasakan unik serta menarik. Tidak keterlaluan juga untuk dikatakan bahawa pelajar-pelajar ini lebih bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing, dan sekaligus mengetahui sejumlah kosa kata merupakan antara satu keutamaan yang perlu dicapai. Selain itu, konteks pelajar yang terdiri daripada campuran pelbagai negara juga menyebabkan suasana pembelajaran yang lebih harmoni dan membina, walaupun majoriti mereka daripada China.

Hal ini berbeza dengan pelajar prasiswazah yang semuanya berasal dari China. Lingkungan umur yang masih muda, di samping keselesaan berada dalam kelompok rakan sefakulti menyebabkan mereka selesa antara satu sama lain. Hal ini diakui oleh beberapa pelajar yang berada dalam kumpulan prasiswazah. Berbanding kelompok pelajar

pascasiswazah, kelompok pelajar ini lebih pasif semasa sesi kelas. Mereka kurang berminat untuk bertanyakan soalan semasa sesi kelas atau di luar waktu kelas. Maklum balas mereka semasa sesi kelas hanya apabila dipanggil atau diminta berbuat demikian. Namun begitu, bilangan kosa kata yang lebih rendah berbanding pelajar pascasiswazah bukanlah bermaksud mereka tidak kompeten mahupun kurang komitmen di kelas. Dalam hal ini, berdasarkan temubual tidak rasmi dengan peserta kajian sebagai sokongan dapatan data, pelajar prasiswazah memaklumkan mereka juga berkomitmen dengan kursus-kursus lain yang perlu diambil seperti kursus wajib fakulti, kursus wajib jabatan serta kursus elektif. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat memberi sepenuhnya fokus, berbanding pelajar pascasiswazah yang hanya terikat dengan satu atau dua kursus sahaja. Dalam hal ini, komitmen terhadap kursus dan kemahiran bahasa yang dimiliki dapat dihubungkan untuk melihat sejauh mana individu tersebut mengetahui sesuatu kosa kata dan berupaya menggunakan untuk tujuan tertentu (Rousoulioti & Melissaropoulou 2021).

Apa yang perlu difahami dan diberi perhatian ialah, sejauh mana pelajar memahami akan kepentingan menguasai kosa kata, memahaminya serta tahu menggunakannya dalam konteks bahasa yang dipelajari kerana pelajar yang mempunyai kedalaman pengetahuan kosa kata yang tinggi akan mempunyai kecekapan yang tinggi dalam bahasa (Nation 2001). Oleh yang demikian, aspek pengajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing yang perlu ditekankan oleh guru dan pengajar ialah menyediakan mereka dengan kemahiran penguasaan kosa kata yang baik agar mereka mampu menguasai bahasa dengan sebaiknya.

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa kosa kata merupakan satu elemen yang amat diperlukan oleh seorang pelajar untuk menguasai sesuatu bahasa yang dipelajari, selain daripada empat kemahiran bahasa. Oleh yang demikian, pelajar perlu dilengkapi dengan pengetahuan kosa kata yang secukupnya, dan ujian inventori perlu dilakukan untuk mengukur sebanyak mana pelajar telah memperoleh kosa kata dalam bahasa sasaran.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU), UKM terutamanya Dekan PPCU, Timbalan Dekan (Kompetensi Komunikasi) PPCU, Ketua Citra Bahasa Melayu PPCU serta para pelajar yang terlibat semasa proses menghasilkan serta menyiapkan kajian dan penulisan ini.

RUJUKAN

- Ahmad Jahrani & Rina Listia. 2023. The Impact of Exposure on Second Language Acquisition. *Journal of Language Teaching and Learning, Linguistics and Literature (IDEAS)* 11: 416-424.
- Aksoy, Y. Ü. 2024. Teachers' perspectives on how exposure to foreign languages affects young children's language development. *Encuentro*, 32: 23-36
- Hajrullai, H. 2019. Influencing factors on further development of bilingual education in Macedonia. *Contemporary Educational Researches Journal*, 9(2):12-20.
- Basal, A., Yilmaz, S., Tanriverdi, A., & Sari, L. 2016. Effectiveness of mobile applications in

- vocabulary teaching. *Contemporary Educational Technology*, 7(1): 47-59
- Susanto, A., & Suhardianto. 2018. Vocabulary knowledge in relation to students' reading comprehension: a review. *Inovish Journal* 3(1):11-29
- Memis, M. R. 2018. The Relationship between Vocabulary Learning Strategies and Vocabulary of Learners of Turkish as Foreign or Second Language. *Educational Policy Analysis and Strategic Research* 13(4):164-185
- Rousoulioti, T.; Melissaropoulou, D. 2021 Development of vocabulary in second language through strategies: The case of morphological analysis of words. *Pasithei* 1071–1081
- 4

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD*
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Pengarang koresponden: mieroll@ukm.edu.my

Received: 4 July 2024 / Accepted: 21 November 2024 / Published: 15 December 2024